

Syor calon Naib Canselor dari kalangan kakitangan UUM

OR STAR 31 Mei — Universiti Utara Malaysia (UUM) berharap Kementerian Pengajian Tinggi akan melantik calon dari kalangan ahli akademik universiti itu sendiri sebagai Naib Canselor bagi menggantikan Allahyarham Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri.

Pemangku Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Abdul Razak Chik berkata, ini kerana universiti itu mempunyai ramai calon yang ada kepakaran untuk mengetahui tentangnya.

Lagi pula katanya, calon-calon yang bakal dilantik itu mesti tahu latar belakang, sejarah universiti dan hala tuju untuk membawa UUM menjadi pusat pengajian universiti bertaraf antarabangsa.

"Bagaimanapun UUM menyerahkannya kepada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh untuk membuat keputusan bagi melantik Naib Canselor baru," katanya selepas perasmian Simposium Kebangsaan Sains Matematik di sebuah hotel di sini, hari ini.

Simposium tiga hari anjuran Fakulti Sains Kuantitatif UUM dan Persatuan Sains Matematik Malaysia (Persama) bersama kerajaan negeri Kedah itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran Negeri, Datuk Azimi Daim yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dr. Ahmad Fawzi, 56, yang merupakan Naib Canselor kelima UUM meninggal dunia 23 Mei lalu di Hospital Selayang, Selangor kerana komplikasi jantung.

Allahyarham merupakan pensyarah UUM yang pertama dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor dan Naib Canselor di universiti yang sama.

Sementara itu kata Dr. Abdul Razak, masyarakat kampus UUM lebih cenderung agar kalangan ahli akademik UUM sendiri dipilih memegang jawatan Naib Canselor di pusat pengajian tinggi yang diwujudkan lebih 20 tahun lalu.

Bagaimanapun *Utusan Malaysia* difa-

hamkan beberapa orang pegawai tadbir kanan kerajaan juga disebut-sebut bakal mengisi jawatan berkenaan seperti mana amalan yang pernah dilakukan sebelum ini di mana Naib Canselor dipilih daripada kalangan orang luar UUM.

Beliau memberitahu, pihak UUM sebelum ini telah mengemukakan latar belakang beberapa ahli akademik UUM kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk dipertimbangkan bagi jawatan Naib Canselor.

UUM/DA48/UUM/1.6.2005/
P: 7 (1),